



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAJARAN PENDIDIKAN SEKSUALITI: KESEDIAAN GURU-GURU PRASEKOLAH DI TIGA BUAH DAERAH KINTA, KUALA KANGSAR DAN PERAK TENGAH

MASTURA KARIMUDDIN

M20082000168



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii

PENGAKUAN

Saya mengaku penyelidikan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

31 Mei 2011

.....
MASTURA BT. KARIMUDDIN
M20082000168



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii



PENGHARGAAN

Syukur dipanjangkan ke hadrat Ilahi, dengan keizinanNya penyelidikan bertajuk Pengajaran Pendidikan Seksual : Kesediaan Guru prasekolah berjaya dihasilkan.

Ribuan terima kasih di ucapkan kepada penyelia yang dikasih Dr. Mahani binti Razali kerana banyak membantu serta memberi bimbingan dalam menjayakan penyelidikan ini. Tanpa tunjuk ajar dan bimbingan beliau sukar untuk saya menyelesaikan penyelidikan ini.

Buat suami tercinta, Abdul Aziz Abdul Rahman yang sentiasa memberi dorongan, semangat dan galakan untuk menyelesaikan penyelidikan ini serta kepercayaan yang tidak berbelah bahagi. Anakanda-anakanda tersayang Nabilah Azira, Diyana Azira, Sofea Ilyana Azira, Muhammad Hazim dan Muhammad Nabil Wafiy yang sentiasa mendengar kata dan tidak mengganggu semasa penyelidikan ini disiapkan. Ibu tercinta Norkiah binti Yunus yang sentiasa berkorban memastikan anaknya berjaya mencapai cita-cita.

Terima kasih juga kepada rakan seperjuangan, Mahaliza, Haslina, Zanariah dan Mohd. Azhar yang sentiasa memberi galakan dan sumbangan idea dalam menghasilkan penyelidikan yang berkualiti dan diharapkan kita semua berjaya mencapai apa yang dicita.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru prasekolah dalam mengajar pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak. Aspek-aspek kesediaan yang dikaji termasuklah 1) aspek demografi guru 2) sumber maklumat sedia ada 3) kursus, bengkel, latihan yang dihadiri oleh guru, 4) tahap pengetahuan guru 5) topik yang guru rasa sesuai untuk mengajar kanak-kanak prasekolah . Selain itu kajian ini juga meninjau persetujuan guru untuk topik pendidikan seksual diajar di prasekolah dan persetujuan guru untuk mengajar topik ini. Kajian dijalankan dengan menggunakan soal selidik dan ditadbirkan kepada 208 orang guru di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar. Soalselidik ini mengandungi 4 bahagian yang terdiri daripada cirri-ciri sosio-demografi, aspek pengetahuan sedia ada guru, kursus dihadiri, tahap keyakinan guru, tahap pengetahuan guru dan topic pilihan guru. Keseluruhan hasil kajian mendapati bahawa 67.8 % guru sangat bersetuju dan 9.1 % bersetuju bahawa topik ini patut diajar kepada kanak-kanak prasekolah. Ini menunjukkan guru prasekolah di daerah ini setuju pendidikan seksual di ajar di kelas prasekolah walaubagaimanapun, terdapat 80 orang atau 38.5 % guru kurang setuju jika diminta mengajar topik ini. Biarpun peratus guru kurang bersetuju mengajar pendidikan seksual di kelas prasekolah, namun dapatan kajian mendapati 50 % guru prasekolah di daerah ini bersedia untuk mengajar pendidikan seksual jika diarahkan oleh pihak Kementerian. Antara faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada kesediaan guru adalah daripada aspek sumber maklumat sedia ada, kursus, bengkel, latihan yang dihadiri oleh guru, dan tahap pengetahuan guru. Begitu juga faktor demografi dari segi umur, taraf perkahwinan dan tahap pendidikan guru mempengaruhi kesediaan guru mengajar pendidikan seksual di kelas prasekolah.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

ABSTRACT

c

The study was conducted to determine the readiness of preschool teachers in teaching sex education to children. Aspects studied include the availability of 1) demographic aspects of teachers 2) sources of information available 3) courses, workshops, training attended by teachers, 4) the level of teacher knowledge 5) topics that teachers see fit to teach preschool children. In addition this study also reviewed the consent of teachers to the topic of sexual education is taught in preschool and approval of teachers to teach these topics. The study was conducted using a questionnaire and administered to 208 teachers in the district of Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar. This questionnaire consists of four parts, comprising features of socio-demographics, knowledge of existing teachers, courses attended, the confidence level of teachers, teacher knowledge and teacher choice of topic. Overall, the study found that 67.8% of teachers strongly agree and 9.1% agreed that this topic should be taught to preschool children. This shows that preschool teachers in the district agree in teaching sex education in the preschool class, however, there are 80 people or 38.5% of teachers do not agree, if asked to teach this topic. Although the percentage of teachers disagree to teach about sex education in the preschool classroom, but the study found that 50% of preschool teachers in this area are willing to teach sexual education, if directed by the Ministry. Among the identified factors contributing to teacher readiness is the aspect of existing information resources, courses, workshops, training attended by teachers, and teacher knowledge. Similarly, demographic factors in terms of age, marital status and educational level of teachers affect the willingness of teachers to teach sex education in the preschool class.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Halaman Judul	
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual	xii
Senarai Rajah	xiv
Senarai singkatan/istilah	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Tujuan Kajian	14
1.5	Objektif Kajian	14
1.6	Persoalan Kajian	16
1.7	Hipotesis Kajian	17
1.8	Definisi Istilah	19
1.9	Definisi Operasi	20
1.10	Kepentingan Kajian	27
1.11	Limitasi Kajian	28
1.12	Rumusan	29



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Pendidikan Seks Menurut Pelbagai Perspektif	31
2.2.1	Pendidikan Seksual menurut Perspektif Islam	
2.2.2	Pendidikan Seksual menurut Perspektif Barat	





2.2.3 Sejarah Pendidikan Seksual di Malaysia	
2.3 Peranan Guru dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak	39
2.4 Pendekatan Teori	41
2.4.1 Teori Reflektive Practice Model (Wallace, 1991)	
2.4.2 The Concerns – Based Adoption Model (CBAM): A model for Change in Individuals	
2.4.3 Teori Pembelajaran Kognitif dalam Pengajaran Pendidikan Seks	
2.5 Kajian Lepas Mengenai Pendidikan Seks di Sekolah	52
2.5.1 Kajian Kesesuaian Pendidikan Seks Kepada Kanak-kanak	
2.5.2 Kajian Peranan Ibu Bapa Memberi Pendidikan Seksual Kepada kanak-kanak	
2.5.3 Kajian Kesediaan Guru Mengajar Pendidikan Seksual 2.5.3.1 Kajian Dalam Negara	
2.5.3.2 Kajian Luar Negara	
2.5.3.3 Kajian Maklumbalas Pelajar Terhadap Pendidikan Seksual	
2.5.3.4 Pandangan Guru Mengenai Topik Pendidikan Seksual	
2.6 Penutup	78
2.6 Modul Konseptual Kajian	79

BAB 3 METOD KAJIAN

3.1 Pengenalan	80
3.2 Rekabentuk Kajian	80
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	83





3.4	Kajian Rintis	85
3.5	Instrumen dan Pengukuran	87
	3.5.1 Soal Selidik	
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	90
3.7	Kaedah Analisis Data	91
3.5	Batasan Kajian	94
3.6	Penutup	95

BAB EMPAT: ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	96
4.2	Ciri-Ciri Utama Sampel Kajian	97
4.3	Analisa Kekerapan dan Peratusan Berdasarkan Persoalan Kajian	99



- 4.3.1 Adakah guru-guru prasekolah bersetuju pendidikan seksualiti diajar kepada kanak-kanak prasekolah?
- 4.3.2 Adakah guru-guru prasekolah bersetuju jika diminta mengajar pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak prasekolah?
- 4.3.3 Adakah guru-guru prasekolah bersedia untuk mengajar pendidikan seksualiti di kelas prasekolah ?
- 4.3.4 Adakah guru-guru prasekolah bersetuju bahawa banyak maklumat yang diperolehi semasa menghadiri seminar, bengkel, kursus atau forum dan lain-lain mengenai aspek seksualiti ?
- 4.3.5 Apakah sumber maklumat yang banyak memberi pengetahuan sedia ada guru mengenai pendidikan seksualiti ?
- 4.3.6 Sejauh manakah tahap pengetahuan guru-guru prasekolah berdasarkan topik pendidikan seksualiti ?
- 4.3.7 Sejauh manakah tahap keyakinan guru-guru prasekolah untuk mengajar pendidikan seksualiti di sekolah berdasarkan topik ?





- 4.3.8 Apakah topik yang guru prasekolah setuju untuk diajar kepada kanak-kanak prasekolah ?
- 4.3.9 Adakah terdapat hubungan antara persetujuan guru pendidikan seksualiti patut diajar kepada kanak-kanak prasekolah dengan tahap kesediaan guru mengajar pendidikan seksualiti di sekolah ?
- 4.3.10 Adakah terdapat hubungan antara persetujuan guru untuk mengajar pendidikan seksual dengan tahap kesediaan guru mengajar pendidikan seksualiti di sekolah ?

4.4 Analisis Data Berdasarkan Hipotesis

123

- 4.4.1 Terdapat hubungan yang signifikan di antara kesediaan guru dengan jantina di kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.
- 4.4.2 Terdapat hubungan yang signifikan di antara persetujuan guru untuk mengajar dengan jantina di kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.
- 4.5.3 Terdapat hubungan yang signifikan di antara persetujuan patut diajar pendidikan seksual dengan jantina di kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.



4.5.3 Terdapat hubungan yang signifikan di antara persetujuan patut diajar pendidikan seksual dengan jantina di kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.



- 4.5.4 Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap Banyak maklumat guru mempengaruhi tahap kesediaan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.
- 4.5.5 Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap persetujuan guru mengajar dengan kehadiran berkursus guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.
- 4.5.6 Terdapat perbezaan yang signifikan antara umur guru dengan tahap keyakinan guru prasekolah daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.
- 4.5.7 Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah pernah berkursus dengan banyaknya maklumat mengenai pendidikan seksual di kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.





- 4.5.8 Terdapat hubungan yang signifikan di antara patut diajar pendidikan seksual dengan persetujuan mengajar pendidikan seksual dikalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.
- 4.5.9 Terdapat hubungan yang signifikan di antara persetujuan mengajar dengan kesediaan guru mengajar di kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.
- 4.5.10 Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap perkahwinan dengan persetujuan mengajar pendidikan seksual di kalangan guru prasekolah daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.
- 4.5.11 Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap umur dengan persetujuan mengajar pendidikan seksual di kalangan guru prasekolah daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.

4.6 Rumusan Keputusan Kajian 135

BAB 5 : RUMUSAN DAN KESIMPULAN



5.1 Pengenalan	137
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	138
5.3 Cadangan-Cadangan	147
5.4 Kesimpulan	149
5.5 Penutup	151

RUJUKAN

Lampiran A : Borang soal selidik

Lampiran B : Surat kebenaran untuk menjalankan penyelidikan





SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Jadual Standard Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KSPK) mengikur tunjang.	24
2.1 Jadual Standard Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KSPK) mengikur Standard pembelajaran.	37
3.1 Populasi Guru di Daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar	84
3.2 Statistik soalselidik yang dihantar dan dikembalikan	84
3.3 Kebolehpercayaan Keputusan Analisis Berdasarkan Skala Alpha	86
3.4 Daerah dan bilangan guru prasekolah yang terlibat di dalam kajian.	94
4.1 Daerah dan bilangan guru prasekolah yang terlibat di dalam kajian.	97
4.2 Taburan Kekerapan dan Peratus Mengikut Umur.	97
4.3 Taburan Kekerapan dan Peratus Mengikut Perkahwinan	98
4.4 Taburan Kekerapan dan Peratus Mengikut akademik	98
4.5 Taburan Kekerapan dan Peratus Mengikut Persetujuan Guru Topik Pendidikan Seksual patut Diajar kepada Kanak-kanak	99
4.6 Taburan Kekerapan dan Peratus Mengikut Persetujuan Guru Jika diminta mengajar Topik Pendidikan Seksual kepada Kanak-kanak	100
4.7 Taburan Kekerapan dan Peratus Mengikut Tahap Kesediaan Guru Jika diminta mengajar Topik Pendidikan Seksual kepada Kanak-kanak	101
4.8 Taburan Kekerapan dan Peratus Persetujuan guru mengenai banyak maklumat yang diperolehi semasa menghadiri (seminar, kursus/bengkel, forum, perbincangan) dan lain-lain mengenai aspek pendidikan seksualiti	102





4.9	Taburan Kekerapan, Peratusan, dan Nilai Min Berdasarkan 8 item Sumber Pengetahuan/Maklumat Sedia Ada Guru mengenai Pendidikan Seksual	103
4.10	Taburan Kekerapan, Peratusan, dan Nilai Min Berdasarkan Pengetahuan Guru mengenai topik Pendidikan Seksual	108
4.11	Taburan Kekerapan, Peratusan, dan Nilai Min Berdasarkan Tahap Keyakinan Guru Mengajar Pendidikan Seksual Berdasarkan Topik	112
4.12	Taburan Kekerapan, Peratusan, dan Nilai Min Berdasarkan Topik Yang Guru Setuju Diajar Kepada kanak-kanak Prasekolah	116
4.13	Hubungan antara persetujuan pendidikan seksual patut diajar dikelas prasekolah dengan kesediaan guru mengajar pendidikan seksual dikelas prasekolah.	120
4.14	Hubungan antara persetujuan jika diminta mengajar topik pendidikan seksual dikelas prasekolah dengan kesediaan guru mengajar pendidikan seksual dikelas prasekolah.	122
4.15	Ujian t Berkenaan Tahap Kesediaan Guru Berdasarkan Jantina	123
4.16	Ujian t Berkenaan Tahap Persetujuan Guru Berdasarkan Jantina	124
4.17	Ujian t Berkenaan Tahap Persetujuan Patut Diajar Pendidikan Seks Berdasarkan Jantina	125
4.18	Analisis Perbandingan Min Tahap Banyak Maklumat Guru Dengan Tahap Kesediaan guru mengajar	126
4.19	Analisis Perbandingan Min Tahap Banyak Maklumat Guru Dengan Tahap Kesediaan guru mengajar	127
4.20	Analisis Perbandingan Min Tahap Umur Mempengaruhi Tahap Keyakinan Guru Untuk Mengajar Pendidikan Seksual	128
4.21	Analisis Korelasi Antara Pernah Berkursus dengan Banyaknya Maklumat	130
4.22	Analisis Korelasi Antara Patut Ajar dengan Persetujuan Mengajar	131
4.23	Analisis Korelasi Antara Setuju Ajar dengan Kesediaan Mengajar	132





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

4.24	Analisis Korelasi Antara Tahap Perkahwinan dengan persetujuan Ajar	133
4.25	Analisis Korelasi Antara Tahap Umur dengan Kesediaan Guru	134



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Kerangka konsep diubahsuai daripada model reflektif Wallace (1991)	42
2.2 Typical Expressions of Concern about an Innovation Based On Adoption Model	47
2.3 Model Konseptual kajian Persediaan Pengajaran Pendidikan Seksual	79
4.1 Carta Pie menunjukkan tahap kesediaan guru prasekolah mengajar pendidikan seksual	102
4.2 Mean Plot Tahap Umur mempengaruhi Tahap Keyakinan mengajar	129



05-4506832

mengajar
pustaka.upsi.edu.myPerpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI SINGKATAN / ISTILAH

EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
SPSS	Statiscal Package for the Social Sciences
SRE	Sexual Relationship and Education
SHE	Sexual Health and Education
SE	Sexual Education
SHARE	Sexual Health and Relationships: Safe Happy and Responsible
SIECUS	Modul Sexuality, Information and Education Council of the United States
PKK/S	Pendidikan Kesihatan Keluarga/ Seksualiti



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Di Malaysia, penderaan seksual terhadap kanak-kanak semakin membimbangkan dan angkanya semakin meningkat dari semasa ke semasa. Bukan sahaja kanak-kanak perempuan yang menjadi mangsa tetapi kanak-kanak lelaki juga turut dianaya dan diliwat sehingga ada yang meninggal dunia. Sebenarnya, bilangan angka mangsa penderaan seksual di Malaysia lebih daripada yang tersiar di akhbar-akhbar, malah dianggarkan bahawa setiap kes yang dilaporkan ada sembilan kes yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa (Mohd Saleh Lebar, 2003).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Antara kes yang pernah dilaporkan di Malaysia mengenai penderaan seksual kanak-kanak adalah kejadian yang berlaku kepada adik Nor Shuhada Borak, 6, yang disahkan mati dalam tangki air di bumbung bangunan kediaman tiga tingkat jenis townhouse dalam keadaan separuh bogel dan lebam pada muka dan tangan. Mangsa tersebut dipercayai telah dirogol antara jam 9 malam hingga 11 malam. Polis percaya bahawa mangsa mengenali penyerangnya, iaitu seorang remaja berusia 12 tahun dan seorang warga Indonesia, kerana beliau dilihat berbual-bual dengan mereka sebelum kejadian (Utusan Malaysia 21 Oktober 2000).

Begitu juga kes yang berlaku kepada adik Siti Nadirah Budah, seorang kanak-kanak comel berusia 5 tahun yang ditemui mati terbenam dalam lumpur di Kampung Sibuga Besar, Jalan Batang Batu Sepuluh, Sandakan. Siti Nadirah Budah ditemui dalam keadaan separuh bogel, dipercayai dibunuh selepas dicabul kehormatannya. Polis berkata penyerang yang membunuh Siti cuba melemaskan mangsa dengan membenamnya ke dalam lumpur di belukar berhampiran masjid di situ, selepas mencabul kehormatannya (Utusan Malaysia 7 Julai 2001).

Banyak lagi nama-nama yang menghias dada akhbar dengan kisah tragis mereka. Antara nyawa-nyawa yang telah menjadi korban sebelum ini antaranya, Nurin Jazimin, 8 tahun, Haserawati Saridin, 9 tahun, Nurul Huda Ghani, 10 tahun, Nor Shazwani Dahlan, 7 tahun, dan Nor Syakilla Ramli Abdullah Choo, 5 tahun. Mereka telah diperlakukan dengan kejam tanpa belas kasihan. Ada di antara kanak-kanak malang ini dibunuhi selepas ada di antara mereka diperkosa atau diliwat. Lebih menyedihkan apabila mayat mereka dibuang ke dalam semak atau ke dalam longkang bagaikan sampah (Mingguan Malaysia, 29 Oktober 2007).





Begitu juga banyak kes di Malaysia yang melibatkan sumbang mahram berlaku dalam kalangan kanak-kanak yang masih kecil dan tidak berdosa, malah ada daripada mereka yang telah menjadi mangsa penderaan seksual sejak kecil lagi sehingga besar. Kebanyakan kes perlakuan sumbang mahram atau *incest* melibatkan kanak-kanak yang masih kecil ini. Begitu juga masalah pencabulan kanak-kanak di rumah-rumah pengasuh maupun tadika.

Menurut Wan (1997) kanak-kanak tidak tahu perlakuan sumbang mahram adalah salah kerana selalunya perlakuan tersebut dilakukan oleh ahli keluarga mereka. Seterusnya beliau juga menyatakan bahawa kanak-kanak ini tidak mengetahui dan menyedari bahawa perlakuan ahli keluarga mereka adalah salah kerana tidak mendapat maklumat mengenainya. Beliau seterusnya menyatakan bahawa penderaan seksual kanak-kanak merupakan salah satu daripada penderaan kanak-kanak, dan merujuk kepada sebarang perlakuan individu yang memaksa, memperdaya atau mengugut kanak-kanak yang mendorong berlakunya hubungan seksual dengan mereka semata-mata untuk memuaskan nafsu seksual.

Penderaan seksual kanak-kanak merangkumi memasukkan objek atau bahagian tubuh ke dalam faraj, mulut atau dubur, menyentuh bahagian sulit, menunjukkan bahan-bahan lucah kepada kanak-kanak, mengambil gambar kanak-kanak dalam aksi seksual, menggalakkan kanak-kanak menonton atau mendengar aksi seksual, membuat panggilan telefon lucah, merogol, melakukan seks oral, meliwat, melacurkan, mengintai, mencium, mengusap dan mempamerkan aksi lucah (Wan, 1997; Mohd Saleh Lebar, 2003). Jelasnya penderaan seksual berlaku dalam bentuk pengeksplorasi terhadap kanak-kanak lelaki atau perempuan oleh orang dewasa untuk





mendapatkan kepuasan seks. Penderaan jenis ini berlaku apabila kanak-kanak dibawah umur dilibatkan dalam kegiatan seksual secara paksa (Wan, 1997; Susan, K., Cynthia, W., Beth, P. 2006).

Anak merupakan kurniaan Allah yang sangat besar bagi setiap ibu bapa. Sifat kanak-kanak adalah rapuh, senang percayakan orang, tidak boleh mengurus dan menyelamatkan diri apabila berdepan dengan bahaya (Ismaiza Ismail, 1999). Oleh itu, menurut Ismaiza (1999) kanak-kanak ini perlu dilindungi daripada segala bentuk kekerasan, penderaan dan keganasan kerana kanak-kanak hari ini merupakan modal insan negara masa depan. Masyarakat perlu memainkan peranan, bersikap lebih prihatin, mengambil tahu dan sama-sama menolong menjaga kanak-kanak walaupun mereka bukan anak atau keluarga kita (Maisarah, 2000). Masyarakat terutama golongan pendidik seharusnya menjadi benteng pertama memastikan perkara tersebut tidak berulang lagi (Ismaiza Ismail, 1999).

Kanak-kanak yang didera secara seksual akan menghadapi masalah pada masa hadapan. Mereka akan membesar mungkin menjadi seorang yang pasif dan memenculkan diri sendiri dan mungkin akan menjadi seorang yang suka memberontak dan mendatangkan masalah (Gopi Narayana & Suma Narayana, 2003). Begitu juga ada yang akan menjadi seorang pendera seksual kepada orang lain (Devine & Cohen, 2007). Kanak-kanak yang didera secara seksual akan membesar dengan pelbagai masalah, tidak yakin diri dan tidak pandai bergaul dengan masyarakat dan lebih teruk lagi mereka akan mengalami masalah kemurungan (Gopi Narayana & Suma Narayana, 2003; Devine & Cohen, 2007). Oleh itu adalah menjadi harapan semua pihak agar kejadian mendera kanak-kanak dari segi seksual tidak berlaku kepada





kanak-kanak di Malaysia kerana kesan kepada kanak-kanak adalah tidak baik dan boleh meninggalkan trauma kepada mereka seumur hidup (Mohd Salleh Lebar, 2003; Maisarah, 2000).

Sebagai insan yang dipercayai oleh kanak-kanak selain daripada ibu bapa mereka, guru menjadi harapan kedua ibu bapa dan masyarakat untuk menjadi insan yang bertanggungjawab memberi sumber maklumat kepada kanak-kanak supaya perkara ini tidak berlaku berterusan (Blaise, 2009). Menurut Blaise lagi guru diharapkan dapat memberi didikan, pengetahuan dan maklumat kepada kanak-kanak mengenai bahaya yang boleh menimpa mereka.

Namun, adakah para guru terutama guru prasekolah bersedia untuk mengajar anak-anak yang masih kecil ini mengenai seks dan betapa mereka yang masih kecil ini sering menjadi sasaran orang dewasa mahupun remaja yang gilakan seks. Eva (2009) di dalam dapatan kajiannya di Hong Kong mendapati guru prasekolah belum bersedia untuk mengajar mengenai pendidikan seks terhadap kanak-kanak prasekolah kerana merasakan tiada pengetahuan yang lengkap untuk mengajar topik ini.

Kajian ini dilakukan untuk melihat persediaan guru prasekolah kita di Malaysia jika diminta mengajar kanak-kanak prasekolah mengenai topik pendidikan seksualiti. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat tahap kesediaan guru prasekolah daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar berhubung dengan kesediaan untuk mengajar topik pendidikan seksual dalam kelas prasekolah.





1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan prasekolah merupakan peringkat awal proses pembelajaran yang amat penting kerana pengalaman belajar dalam kelas prasekolah dapat memberi persediaan yang boleh membekalkan kanak-kanak terhadap kemahiran, keyakinan diri dan sentiasa mempunyai sikap yang positif terhadap individu lain. Azizah (2003) menyatakan kanak-kanak diajar mengenai keselamatan diri mereka ketika berada di jalan raya dan juga ketika berada di sekolah. Seharusnya mereka juga diajar atau diberitahu mengenai bahaya yang boleh menimpa diri mereka disebabkan adanya orang dewasa yang bernafsu bagaikan binatang, mereka sama ada akan diculik, diliwat, dicabul, dipaksa melakukan hubungan seks, sumbang mahram, dirogol malahan akan turut dibunuhi. Bhanna (2007) mendapati daripada kajian yang dilakukan di Afrika, adalah sukar untuk memberitahu kanak-kanak yang masih muda lagi mengenai topik pendidikan seksual. Seterusnya, kajian beliau juga mendapati guru-guru sukar untuk mengajar subjek pendidikan seks kerana budaya mereka yang dianggap tabu untuk dibincangkan mengenai seksual di khalayak terutama kepada kanak-kanak.

Kanak-kanak merupakan sasaran yang senang diperdaya kerana mudah percaya kepada orang dewasa. Tremblay & Begin (2000) menyarankan agar ibu bapa mengawasi anak-anak dan guru-guru perlu mengingatkan mereka supaya berhati-hati dengan orang dewasa lelaki sama ada yang dikenali ataupun tidak dikenali untuk mengelakkan kanak-kanak menjadi mangsa penderaan seksual ini (Tremblay & Begin, 2000).





Kanak-kanak juga merupakan seorang individu yang bergantung kepada orang lain. Ia bergantung kepada ibu bapa dan gurunya dalam membentuk dan mengubahsuai tingkah lakunya (Shahizan & Ahmad Shahabudin, 2006; Maisarah, 2000). Maksudnya kanak-kanak ini perlu diberi perhatian yang sepenuhnya oleh ibu bapa dan guru. Mereka memerlukan didikan dan tunjuk ajar daripada orang yang lebih dewasa terutama guru semasa di sekolah. Shahizan dan Ahmad Shahabudin (2006) seterusnya menyatakan dalam pendidikan prasekolah, guru perlu menggunakan pelbagai pendekatan atau strategi yang sesuai dengan perkembangan diri, kebolehan, keupayaan, bakat dan minat kanak-kanak.

Menurut Piaget (1959), terdapat tiga cara kanak-kanak mempelajari dan mengetahui sesuatu. Antara yang paling penting melalui interaksi sosial iaitu kanak-

kanak belajar sesuatu daripada orang lain. Bahasa serta tingkah laku yang sesuai merupakan sesuatu yang kanak-kanak pelajari daripada orang lain. Oleh itu, guru yang mengajar di pendidikan prasekolah diharapkan mengambil ruang dan peluang untuk mengajar anak-anak prasekolah mengenai apakah yang sepatutnya mereka tahu supaya tidak menjadi mangsa penculikan, pencabulan, sumbang mahram, rogol mahupun mangsa pembunuhan (Trembly, & Begin, 2000). Seterusnya, Trembly dan Begin (2000) menyatakan bahawa guru merupakan individu terpenting yang banyak mempengaruhi kehidupan kanak-kanak pada peringkat awal pertumbuhan terutamanya semasa berada di prasekolah. Mereka adalah individu dewasa yang sentiasa berdamping rapat dengan kanak-kanak memandangkan peranan ibu bapa yang semakin kompleks (Tremblay & Begin, 2000; Putri Zabariah, Bustam & Raja Hamizah, 2007).





Keinginan kanak-kanak untuk mengetahui mengenai alat sulit mereka adalah sangat tinggi (Judith, Irving, Samuel, Maria, Gennel, Susan & Briar, 2000). Menurutnya lagi, kanak-kanak pada usia 5 hingga 6 tahun akan sering menyentuh alat sulit mereka dan kadangkala melakukan masturbasi. Kanak-kanak yang merasa tidak gembira, kesunyian dan hilang minat berkemungkinan terlibat dalam aktiviti melancap atau masturbasi sehingga dewasa (Ab. Alim, 1993). Ibu bapa tidak suka akan perlakuan tersebut akan memarahi kanak-kanak sedangkan sepatutnya masa inilah kanak-kanak boleh didedahkan dan diajar mengenai alat sulit mereka dan bagaimana alat sulit ini berbeza daripada lelaki dan perempuan (Judith et al., 2000). Ibu bapa mengharapkan agar golongan pendidik mengajar anak mereka mengenai hal ini (Tremblay & Begin, 2000; Putri Zabariah, Bustam & Raja Hamizah, 2007).



pengetahuan baru dalam meluaskan konsep pendidikan sesuai dengan era globalisasi. Era globalisasi menuntut corak pendidikan yang lebih liberal, terbuka, menjana kualiti, mementingkan kecemerlangan berdaya maju, pengetahuan kerjaya dan sebagainya (Abdul Rahim, 2007). Perkembangan teknologi maklumat perlu seiring dengan pendidikan supaya kanak-kanak lebih terbimbing terutama semasa mengakses maklumat mengenai pendidikan seksualiti. Oleh itu, sewajarnya guru prasekolah bersedia dengan sumber pengetahuan yang baru supaya mampu memberi maklumat dan bimbingan yang tepat kepada kanak-kanak (Abdul Rahim, 2007).





1.3 Penyataan Masalah

Walaupun pelbagai pihak telah menyedari kepentingan pendidikan seksual namun apabila perkara berkaitan seks disentuh, minda akan sering dihujani segala perkara yang negatif. Perbincangan topik seks sering disalah erti sebagai perkara yang kurang disenangi. Menurut Harlina (2007) walaupun taraf hidup masyarakat kian meningkat dan semakin ramai berpendidikan tinggi, namun ramai ibu bapa dan golongan dewasa termasuk guru tidak selesa membincangkan topik seks secara terbuka. Apatah lagi, jika dibincangkan dengan kanak-kanak. Ada yang menentang dan ada yang menyokong pendidikan seks diajar di sekolah. Menurut Amir (2007) sehingga kini masih ada pihak yang menentang pengenalan pendidikan seks di sekolah, akibatnya pendidikan seks tidak dipandang serius oleh banyak pihak termasuklah mereka yang



Bagi mengelakkan kanak-kanak terus menjadi mangsa penderaan seksual yang berluasa kini, guru prasekolah perlu memainkan peranannya. Guru perlu bersedia dengan ilmu pengetahuan dan maklumat yang lengkap jika diminta mengajar pendidikan seksual kepada kanak-kanak prasekolah. Guru-guru perlu mendidik kanak-kanak bagaimana untuk mengelak daripada diperlakukan yang tidak sewajarnya biarpun pendidikan seks tidak dijadikan mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah. Pengajaran pendidikan seksual seharusnya mampu dilaksanakan merentasi sukanan kurikulum sedia ada. Dengan bantuan modul diharapkan guru-guru yakin dan bersedia untuk mengajar pendidikan seksual.





Menurut Susan, Cynthia & Beth, (2006) terdapat lima perkara yang boleh dijadikan fokus kepada topik pendidikan seksual iaitu kanak-kanak perlu diajar bagaimana untuk mengenal pasti masalah, kanak-kanak didedahkan dengan mendapatkan bantuan jika menghadapi sebarang masalah atau gangguan seksual, kanak-kanak diajar mengenai perbezaan sentuhan yang diterima, kanak-kanak didedahkan berkenaan konsep kerahsiaan, maksudnya ada perkara yang boleh dirahsiakan dan ada perkara yang perlu diberitahu kepada orang lain dan kanak-kanak perlu diberitahu bahawa jika perkara ini berlaku mereka tidak perlu takut dan merasa bersalah.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memainkan peranannya dengan menghasilkan buku Modul Panduan Kurikulum Pendidikan Seksualiti, 2004 yang dikeluarkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan disusuli program latihan



kepada guru bagi membolehkan mereka menggunakan garis panduan berkenaan secara berkesan. Ia dikeluarkan sebagai sumber panduan yang lebih jelas bagi guru untuk memastikan maklumat yang betul disampaikan dan terpulang kepada guru dan sekolah bagaimana kaedah penyampaian, iaitu sama ada mereka mahu muatkan dalam mata pelajaran lain seperti dalam mata pelajaran kemahiran hidup atau mata pelajaran lain (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004).

Modul ini terdiri daripada 7 modul iaitu Modul 1: Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti: Aspek Fizikal, Modul 2: Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti: Aspek Sosial, Modul 3: Pendidikan Kesihatan Keluarga/ Seksualiti: Aspek Gender, Modul 4: Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti: Aspek Jangkitan Penyakit, Modul 5: Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti: Aspek HIV/AIDS, Modul 6: Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti: Aspek Seksualiti dan Saya,





Modul 7: Modul Latihan Pendidikan Pencegahan HIV/AIDS (Modul Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti (Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004).

Harapan diberikan oleh masyarakat supaya guru yang terlibat mengajar pendidikan prasekolah dapat memainkan peranannya sebagai pendidik untuk mengajar kanak-kanak ini dan memberikan maklumat yang mudah dan ringkas mengenai pendidikan seks (Amir, 2007). Kajian ini dilakukan untuk melihat apakah persediaan guru-guru prasekolah ini untuk menghadapi satu lagi cabaran untuk mengajar kanak-kanak yang masih muda ini mengenai pendidikan seksualiti.

Apabila membincangkan isu pendidikan seks di sekolah, ramai guru yang berkata pendidikan seks telah lama diajarkan di sekolah dan diterapkan dalam mata pelajaran-mata pelajaran lain seperti dalam pendidikan jasmani, pendidikan moral, agama, biologi dan sebagainya (Harlina Siraj, 2007). Sememangnya tiada subjek khusus pendidikan seks diajar kepada pelajar sekolah. Namun, guru bimbingan dan kaunseling mengambil alih tanggungjawab ini di sekolah menengah dengan memberikan ceramah dan taklimat kepada murid mengenai kesihatan diri dan seksualiti. Bagaimanapun di sekolah rendah dan di kelas prasekolah, guru sekolah rendah dan guru prasekolahlah yang terpaksa menggalas tugas dan tanggungjawab ini.

Bukan satu perkara yang mudah untuk mengajar pendidikan seks kepada kanak-kanak. Guru-guru ini perlu diberi kursus, seminar ataupun latihan yang sesuai untuk menambahkan maklumat diri mereka. Kadangkala status diri juga menghalang keselesaan guru untuk membincangkan pendidikan seks dengan kanak-kanak kerana





jika salah tafsirannya akan memburukkan lagi keadaan. Ini berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Bhana (2007) yang mendapati jika silap tafsiran pengajaran seksual ini akan menyebabkan kanak-kanak ini akan terangsang untuk lebih mengetahuinya.

Guru perlu mempunyai pengetahuan luas dalam bidang biologi, psikologi, seksualiti, perubatan, sosiologi, gender dan lain-lain untuk memudahkan guru menguasai kemahiran pendidikan seksual ini. Begitu juga guru perlu dilatih mengenai teknik atau metodologi pengajaran pendidikan seksualiti ini supaya perkara yang tidak diingini tidak berlaku. Kelayakan guru yang mengajar juga perlu diambil kira, antaranya guru yang sudah berkahwin lebih sesuai untuk mengajar pendidikan seksual ini (Eva, 2009). Pendapat Eva adalah sama dengan dapatan kajian yang telah dibuat oleh Sieg (2003) yang mendapati tingkah laku dan perangai guru perlu diambil kira untuk mengajar pendidikan seks. Ini kerana terdapat juga salah laku seksual yang melibatkan guru sekolah. Selain daripada itu mungkin sesuai jika pendidikan seksual ini diajar oleh guru perempuan kepada murid perempuan, guru lelaki kepada murid lelaki, namun, ia sukar dilaksanakan di kelas prasekolah kerana kebanyakan guru prasekolah merupakan guru perempuan (Sieg, 2003).

Harapan diberikan oleh masyarakat supaya guru yang terlibat mengajar pendidikan prasekolah memainkan peranannya sebagai pendidik untuk mengajar kanak-kanak ini dan memberikan maklumat yang mudah dan ringkas mengenai seks. Semua pihak, baik daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Dalam Negeri yang membuat modul dan pelbagai dasar untuk mengatasi masalah penderaan seksual untuk kanak-kanak perlu mengambil kira modal insan





yang akan menjayakannya terutamanya guru yang diharapkan untuk mengajar pendidikan seksual di sekolah ini diberi pendedahan yang menyeluruh, maklumat yang lengkap serta kemahiran yang sepatutnya ada (Susan, 2007). Guru-guru prasekolah ini perlu bersedia daripada latar belakang diri, pengetahuan, keyakinan diri dan topik yang sesuai untuk mengajar pendidikan seksual ini.

Bhanna (2007) menyatakan alasan yang diberikan oleh guru seperti kurang maklumat, tiada kemahiran, malu dan tidak selesa bercakap-cakap perihal seksual dengan kanak-kanak. Terdapat pelbagai masalah yang mungkin timbul bagi pihak guru prasekolah, antaranya budaya masyarakat yang sukar untuk berbincang perkara berkaitan seksual secara terbuka akan menyebabkan akan timbul masalah kepada guru untuk mengajar pendidikan seksual ini (Bhanna, 2007).



1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti adakah guru-guru prasekolah bersedia untuk mengajar pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak prasekolah dengan melihat persediaan guru prasekolah daripada segi latar belakang diri, keyakinan diri, pengetahuan, keselesaan serta latihan dan kursus yang telah dimiliki serta kesesuaian topik yang digunakan untuk mengajar pendidikan seks kepada kanak-kanak. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat adakah guru-guru prasekolah bersedia jika diminta mengajar pendidikan seksual kepada kanak-kanak prasekolah dan apakah faktor seperti kurangnya keyakinan, pengetahuan dan sumber maklumat mempengaruhi kesediaan guru untuk mengajar topik tersebut.





1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah :

- 1.5.1 Untuk mengenal pasti adakah guru-guru prasekolah bersetuju pendidikan seksualiti diajar kepada kanak-kanak prasekolah.
- 1.5.2 Untuk mengenal pasti adakah guru-guru prasekolah bersetuju dan bersedia jika diminta mengajar pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak prasekolah.
- 1.5.3 Untuk mengenal pasti maklumat yang banyak memberi pengetahuan sedia ada guru dan tahap pengetahuan guru-guru prasekolah berdasarkan topik pendidikan seksualiti.
- 1.5.4 Untuk mengenal pasti tahap keyakinan guru-guru prasekolah untuk mengajar pendidikan seksualiti di sekolah dan topik yang guru prasekolah setuju untuk diajar kepada kanak-kanak prasekolah.
- 1.5.5 Untuk mengenal pasti adakah terdapat hubungan antara persetujuan guru pendidikan seksualiti patut diajar kepada kanak-kanak prasekolah dengan tahap kesediaan guru mengajar pendidikan seksualiti di sekolah.
- 1.5.6 Untuk mengenal pasti adakah terdapat hubungan antara persetujuan guru untuk mengajar pendidikan seksual dengan tahap kesediaan guru mengajar pendidikan seksualiti di sekolah.





1.6 Persoalan kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- 1.6.1 Adakah guru-guru prasekolah bersetuju pendidikan seksualiti diajar kepada kanak-kanak prasekolah?
- 1.6.2 Adakah guru-guru prasekolah bersetuju jika diminta mengajar pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak prasekolah?
- 1.6.3 Adakah guru-guru prasekolah bersedia untuk mengajar pendidikan seksualiti di kelas prasekolah ?
- 1.6.4 Adakah guru-guru prasekolah bersetuju bahawa banyak maklumat yang didapati semasa menghadiri seminar, bengkel, kursus atau forum dan lain-lain mengenai aspek seksualiti ?
- 1.6.5 Apakah sumber yang banyak memberi maklumat kepada guru mengenai pendidikan seksualiti ?
- 1.6.6 Sejauh manakah tahap pengetahuan guru-guru prasekolah berdasarkan topik pendidikan seksualiti ?
- 1.6.7 Sejauh manakah tahap keyakinan guru-guru prasekolah untuk mengajar pendidikan seksualiti di sekolah berdasarkan topik ?
- 1.6.8 Apakah topik yang guru prasekolah setuju untuk diajar kepada kanak-kanak prasekolah ?
- 1.6.9 Adakah terdapat hubungan antara persetujuan guru pendidikan seksualiti patut diajar kepada kanak-kanak prasekolah dengan tahap kesediaan guru mengajar pendidikan seksualiti di sekolah ?





1.6.10 Adakah terdapat hubungan antara persetujuan guru untuk mengajar pendidikan seksual dengan tahap kesediaan guru mengajar pendidikan seksualiti di sekolah ?

1.7 Hipotesis Kajian

Berpandukan kepada persoalan kajian seperti yang telah dinyatakan, kajian ini cuba menguji hipotesis yang berkaitan. Berikut adalah hipotesis yang menjadi asas kepada ramalan dapatan kajian ini:

H_{O1} Terdapat hubungan yang signifikan di antara kesediaan guru dengan jantina di kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala



H_{O2} Terdapat hubungan yang signifikan di antara persetujuan guru untuk mengajar dengan jantina di kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.

H_{O3} Terdapat hubungan yang signifikan di antara persetujuan patut diajar pendidikan seksual dengan jantina dalam kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.

H_{O4} Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap banyak maklumat guru mempengaruhi tahap kesediaan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.

H_{O5} Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap persetujuan guru





mengajar dengan kehadiran berkursus guru prasekolah di daerah Kinta,

Perak Tengah dan Kuala Kangsar

H_{O6} Terdapat perbezaan yang signifikan di antara umur guru dengan tahap keyakinan guru prasekolah daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.

H_{O7} Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah pernah berkursus dengan banyaknya maklumat mengenai pendidikan seksual dalam kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.

H_{O8} Terdapat hubungan yang signifikan di antara patut diajar pendidikan seksual dengan persetujuan mengajar pendidikan seksual di kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.



H_{O9} Terdapat hubungan yang signifikan di antara persetujuan mengajar dengan kesediaan guru mengajar dalam kalangan guru prasekolah di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.

H_{O10} Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap perkahwinan dengan persetujuan mengajar pendidikan seksual dalam kalangan guru prasekolah daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.

H_{O11} Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap umur dengan persetujuan mengajar pendidikan seksual dalam kalangan guru prasekolah daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar.





1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Pengajaran

Perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan, segala sesuatu cara, perbuatan, dan lain-lain yang diajarkan, peringatan, pedoman (Kamus Dewan Edisi keempat, 2007). Nasihat, petunjuk, bimbingan, asuhan, teguran, tunjuk ajar, ibarat, iktibar, contoh, peringatan (Kamus Besar Utusan, 2002).

1.8.3 Pendidikan

Perihal mendidik, ilmu mendidik pengetahuan, didikan, latihan, ajaran (Kamus Dewan Edisi keempat, 2007). Latihan, ajaran, asuhan, pelajaran (Kamus Besar Utusan, 2002). Pendidikan merupakan satu proses yang terancang dan dilaksanakan oleh mereka yang berpengetahuan mengenainya (Ee Ah Meng, 1994).

1.8.4 Seksualiti

Sifat-sifat yang membezakan laki-laki dan perempuan, jantina, keinginan syahwat (Kamus Dewan Edisi keempat, 2007) keinginan syahwat, jantina, jenis kelamin (Kamus Besar Utusan, 2002). Menurut Kamus Perubatan seksualiti bermaksud sistem tubuh yang terdiri daripada organ dan struktur yang terlibat dengan pembiakan dan ia berbeza antara lelaki dan perempuan (Kamus Perubatan, 1992).





1.8.5 Kesediaan

Perihal sedia, kesanggupan, kerelaan (Kamus Dewan Edisi keempat, 2007). Kekuasaan, kesanggupan, daya, kemampuan, kadar, kekuatan, tenaga (Kamus Besar Utusan, 2002). Kesediaan, Kesanggupan dan keupayaan diri seseorang untuk melakukan sesuatu perubahan yang diminta (Mohd Rasdi, 2003).

1.8.6 Guru Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia

Guru, Pendidik, Pembimbing di kelas prasekolah, tadika (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007) guru tadika (Kamus Besar Utusan, 2002) yang dilatih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru prasekolah ini mendapat latihan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia antara 1 hingga 3 tahun (Kementerian Pelajaran



1.9 Definisi Operasi

1.9.1 Pengajaran

Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu (Atan Long, 1983). Menurutnya lagi, pengajaran meliputi perkara-perkara seperti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan untuk menyebar ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan cara yang berkesan.





Strategi pengajaran dan pembelajaran boleh diklasifikasikan melalui banyak cara iaitu melibatkan objektif pengajaran, aktiviti yang dirancang, pengelolaan dan pengurusan, kaedah dan teknik, bahan-bahan dan alat bantu mengajar (Kamarulzaman, 2003). Selain daripada sikap yang sesuai terhadap ikhtisas perguruan, guru perlu melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan (Shahizan & Ahmad Shahabuddin, 2006). Menurut Shahizan dan Ahmad Shahabuddin (2006) pengetahuan yang dikuasai oleh seseorang guru pada sesuatu masa tidak mencukupi buat selama-lamanya kerana bidang ilmu pengetahuan itu sentiasa bertambah dan meluas. Beliau menegaskan lagi bahawa seseorang guru itu terpaksa memperbaharui ilmu pengetahuannya sepanjang masa.

Guru yang berkesan ialah guru yang bersifat dan bersikap sempurna (Shahabuddin, Rohizani & Mohd. Zohir, 2007). Menurutnya lagi guru mestilah berperasaan tidak terancam dan yakin mengenai diri dan kebolehannya. Jelasnya lagi guru sepatutnya mempunyai fikiran yang tidak tertutup atau takut dengan idea-idea baru dan perubahan.

Daripada pelbagai tafsiran yang diberikan di atas, kajian ini adalah untuk mengenal pasti adakah guru prasekolah telah bersedia dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, latihan serta kursus dan idea-idea baru untuk mengajar kanak-kanak mengenai pendidikan seksualiti.





1.9.2 Pendidikan Seksual

Pendidikan seksual ialah keupayaan untuk memahami atau melahirkan perasaan seksual. Ia berfokus kepada aspek biologi, sosiobudaya, psikologi dan kepercayaan daripada dimensi kognitif, afektif dan tingkah laku termasuk kemahiran untuk berkomunikasi secara efektif serta kemahiran membuat keputusan yang bijak dan bertanggungjawab (Amir, 2007; Ramli, 1998; Jamilah, 1998).

Seksualiti bukan sahaja melibatkan reproduksi dan keseronokan hubungan seks malah keperluan untuk berkasih sayang dan keperluan untuk memenuhi hasrat diri sendiri (Jamilah, 1998). Menurut Jamilah lagi, seksualiti merangkumi faktor-faktor fisiologi dan budaya berkaitan tabiat seksual manusia. Seksualiti juga termasuk

kesedaran dan tindak balas terhadap sifat kelelakian atau sifat kewanitaan dan seksualiti merangkumi beberapa dimensi atau aspek iaitu budaya, psikologi, biologi dan etika (Jamilah, 1998). Aspek-aspek ini membentuk seksualiti individu dan seksualiti merupakan sebahagian daripada personaliti atau sahsiah individu (Harlina, 2007; Ramli, 1990; Jamilah, 1998).

Di dalam konteks kajian ini, yang dimaksudkan dengan pendidikan seks di sini adalah bagaimana kanak-kanak didedahkan mengenai perbezaan antara lelaki dan perempuan, serta batas-batas yang perlu dijaga semasa berinteraksi dengan orang lain. Berdasarkan buku modul Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia merangkumi 7 aspek iaitu: Aspek Fizikal, Aspek Sosial, Gender, Penyakit Jangkitan Seks, HIV/AIDS, Seksualiti dan Saya dan Modul Latihan Pendidikan Pencegahan HIV/AIDS (Buku





Modul Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004).

Pendidikan seksual di kelas prasekolah menekankan kepada bagaimana hendak melindungi diri daripada penjenayah seksual dan menyedari perbezaan antara hubungan fizikal yang selamat dan tidak selamat. Skopnya menekankan kepada mengenali bahagian tubuh badan, memperkenalkan sentuhan selamat dan tidak selamat, menghormati bahagian sulit tubuh sendiri dan orang lain, memberitahu orang dewasa yang boleh dipercayai apabila berlaku sentuhan tidak selamat, penderaan, keganasan seksual dan sumbang mahram, dan peraturan sentuhan dan bertingkah laku menurut norma masyarakat (Buku Modul Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004).



Elemen Pendidikan Seksual dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan terdapat di dalam Tunjang Kemanusiaan dan di dalam Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika serta Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan. Ia merangkumi standard pembelajaran: mengetahui tentang latar belakang dan sejarah diri sendiri, mengamalkan langkah keselamatan diri dan menjaga kehormatan diri (Buku Standard Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009).

Menurut Susan, Cynthia & Beth (2006) pendidikan seksual kepada kanak-kanak membawa maksud bagaimana guru menggunakan ilmu yang dimilikinya untuk membantu kanak-kanak mendapat pengetahuan dan maklumat yang tepat untuk mengelakkan mereka daripada didera secara seksual. Menurut Susan, Cynthia & Beth





lagi dengan adanya pendidikan seksual kepada kanak-kanak, kanak-kanak akan lebih mudah untuk memberitahu orang dewasa jika mereka didera secara seksual tanpa rasa takut dan bersalah.

Margaret (2000) menyatakan selain daripada dapat mendedahkan kepada kanak-kanak mengenai pendidikan seksual, guru prasekolah ini juga sewajarnya berupaya untuk mengenal pasti kanak-kanak yang didera secara seksual. Ini kerana bukan semua kanak-kanak akan mengadu kepada guru, oleh itu guru prasekolah perlu peka dengan keadaan perubahan yang berlaku kepada kanak-kanak ini. Perkembangan seksualiti yang cepat berlaku kepada kanak-kanak perlu ditangani dengan mengajar pendidikan seksualiti lebih awal kepada kanak-kanak kerana sangat penting untuk mengelakkan kekeliruan kepada kanak-kanak yang matang cepat daripada kawan-



1.9.3 Kesediaan Guru Prasekolah

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesediaan guru prasekolah untuk mengajar pendidikan seksual kepada kanak-kanak. Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu (Rahil & Habibah 2001). Menurutnya lagi, pengajaran meliputi perkara-perkara seperti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan untuk menyebar ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan cara yang berkesan.





Strategi pengajaran dan pembelajaran boleh diklasifikasikan melalui banyak cara iaitu melibatkan objektif pengajaran, aktiviti yang dirancang, pengelolaan dan pengurusan, kaedah dan teknik, bahan-bahan dan alat bantu mengajar (Kamaruddin 1990). Selain daripada sikap yang sesuai terhadap ikhtisas perguruan, guru perlu melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan (Shahizan & Ahmad Shahabudin, 2006). Menurut Shahizan dan Ahmad Shahabudin (2006) pengetahuan yang dikuasai oleh seseorang guru pada sesuatu masa tidak mencukupi buat selama-lamanya kerana bidang ilmu pengetahuan itu sentiasa bertambah dan meluas. Beliau menegaskan bahawa seseorang guru itu terpaksa memperbaharui ilmu pengetahuannya sepanjang masa.

Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyediakan kanak-kanak bagi memulakan persekolahan di sekolah rendah telah disediakan oleh kedua-dua sektor

awam dan swasta (Kasnani, 2005). Menurut Kasnani lagi, program pendidikan prasekolah merupakan rancangan yang meletakkan batu asas kepada proses pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak. Kanak-kanak prasekolah ini bakal menjadi pemimpin masyarakat pada masa depan. Oleh itu, sangat penting diberikan pendidikan prasekolah yang berkualiti (Mariani, 2006; Kasnani, 2005; Rahimah, 1996).

Pendidikan prasekolah merupakan program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun dalam jangka masa satu tahun ataupun lebih sebelum masuk ke tahun satu di sekolah formal (Saayah, Surayah & Siti Saleha, 2006). Menurutnya lagi guru prasekolah merupakan mereka yang dilatih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengajar kelas prasekolah di sekolah-sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan.





1.10 Kepentingan Kajian

Dengan adanya kajian ini diharap dapat memberi maklumat penting kepada :

- i. Kementerian Pelajaran Malaysia . Kajian ini diharap dapat memberi maklumat kepada pihak kementerian untuk merangka modul serta program yang sesuai untuk membantu guru prasekolah mengajar pendidikan seksual di kalangan kanak-kanak.
- ii. Pihak Kementerian yang terlibat dengan pendidikan awal kanak-kanak dapat memberi pendedahan mengenai pentingnya pendidikan seksual yang sesuai kepada kanak-kanak supaya kanak-kanak tidak menjadi mangsa serangan seksual.
- iii. Pihak tadika sama ada tadika swasta mahupun kerajaan supaya dapat menyediakan guru yang benar-benar memahami dan mempunyai kemahiran mengajar Pendidikan Seks supaya pengajaran menjadi lebih berkesan di kelaskelas prasekolah sama ada swasta mahupun Kerajaan.
- iv. Pihak guru supaya sentiasa mengambil ruang dan peluang untuk mempelajari sesuatu yang baru sesuai dengan dasar Kementerian Pelajaran Malaysia.
- v. Kajian ini dapat merintis jalan kepada penyelidikan seterusnya di dalam bidang yang sama pada masa akan datang . Kajian ini boleh digunakan sebagai rangka asas, atau bahan panduan dan dapat membantu usaha untuk mengetahui secara lebih mendalam tentang modul dan latihan yang sesuai untuk subjek pendidikan seks di kelas pendidikan awal kanak-kanak.

Kajian ini penting kerana melibatkan keselamatan kanak-kanak daripada perlakuan seks yang bercanggah dengan norma masyarakat. Jika guru bersedia dan yakin untuk





mengajar pendidikan seks di prasekolah, kemungkinan besar kanak-kanak ini menyedari bahawa mereka perlu sentiasa berwaspada daripada menjadi mangsa orang dewasa yang bernafsu binatang. Kanak-kanak lebih berhati-hati di dalam kehidupannya semasa di sekolah, rumah, maupun di persekitaran tempat tinggalnya.

1.11 Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan kepada guru prasekolah yang mengajar di daerah Kinta, Perak Tengah dan Kuala Kangsar. Subjek kajian terdiri daripada 238 orang guru yang mengajar di kelas prasekolah di Daerah Kinta, Perak Tengah dan Daerah Kuala Kangsar. Kajian yang dijalankan merupakan satu kajian tinjauan yang hanya melibatkan tiga daerah ini sahaja. Daerah ini dipilih memandangkan daerah ini merupakan daerah yang merangkumi bandar dan luar bandar. Dapatan yang dianalisis daripada kajian ini hanya terbatas kepada daerah itu sahaja dan kemungkinan juga tidak relevan untuk dibuat generalisasi dengan daerah-daerah lain.

Lokasi kajian dikategorikan sebagai daerah bandar dan luar bandar. Oleh itu terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi guru prasekolah antaranya faktor didikan, latar belakang keluarga, dan status ekonomi. Faktor kos dan masa juga adalah antara limitasi yang terpaksa dihadapi. Terdapat seramai 238 orang guru prasekolah yang perlu dikaji dan ia memerlukan masa yang panjang dan kewangan yang tinggi. Walau bagaimanapun, faktor ini akan diatasi oleh penyelidik dengan berjumpa dengan pegawai khas pendidikan kanak-kanak di setiap pejabat pendidikan daerah.






1.12 Kerangka Kajian

PENGETAHUAN BERDASARKAN PENGALAMAN SEDIA ADA

1. Latar belakang diri
2. Persetujuan guru pendidikan seksual diajar
3. Persetujuan guru mengajar
4. Pengetahuan sedia ada

PENGETAHUAN DITERIMA

5. Mengikuti bengkel, kursus, latihan mengenai pendidikan seksualiti.
6. Keyakinan diri



KESEDIAAN

Tahap kesediaan guru untuk melaksanakan pengajaran pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak prasekolah jika diminta oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Rajah 1.1 Model Konseptual kajian Persediaan Pengajaran Pendidikan Seksual





Rajah 1.1 menunjukkan model konseptual kajian kesediaan pengajaran pendidikan seksual. Terdapat enam faktor yang telah dikenal pasti menjadi pemboleh ubah mengenal pasti tahap kesediaan guru untuk mengajar pendidikan seksual di kelas prasekolah. Faktornya adalah daripada segi latar belakang guru, persetujuan guru untuk mengajar, persetujuan guru topik pendidikan seksual ini patut diajar, pengetahuan sedia ada guru. Begitu juga dengan pengetahuan yang guru terima sepanjang menjadi guru iaitu daripada kursus, bengkel dan latihan serta keyakinan diri yang meningkat jika mereka telah lama mengajar dan mendapat banyak maklumat. Dengan adanya pengetahuan ataupun pengalaman sedia ada guru ditambah dengan maklumat yang didapati sepanjang mereka menjadi guru akan menjadi pemboleh ubah untuk melihat tahap kesediaan guru mengajar topik pendidikan seksual.



1.13 Rumusan

Pada permulaan bab ini, tajuk kajian telah dikemukakan dan diperjelaskan secara terperinci tujuan tajuk dipilih. Menerusi bab ini, perbincangan dan penjelasan telah dihuraikan berkaitan dengan komponen pengenalan, pernyataan masalah, signifikan kajian, batasan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, definisi konsep dan operasional, persoalan kajian, model konseptual kajian dan limitasi kajian.

